

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 JAN 2015

Najib rasmi Wisma Perwira ATM

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Jalan Tekpi off Jalan Padang Tembak di sini yang merupakan penghargaan kepada jasa dan pengorbanan pasukan keselamatan itu.

Bangunan bernilai RM128.5 juta dan mempunyai dua menara setinggi 13 tingkat itu berfungsi sebagai tempat penganjuran majlis rasmi dan tidak rasmi, di samping menyediakan kemudahan penginapan, seminar, mesyuarat serta tempat berinteraksi sesama pegawai tentera.

Menurut Najib, usaha kerajaan merealisasikan Wisma Perwira ATM itu adalah sebagai menghargai pengorbanan dan sumbangan pegawai ATM dalam menentukan kemakmuran negara serta mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

"Pembinaan Wisma Perwira ATM ini adalah satu projek utama kerajaan bagi menggantikan bangunan Wisma Perwira ATM terdahulu yang diambil alih oleh ATM pada tahun 1965.

"Kerajaan mengambil inisiatif ini bagi memberi kemudahan penginapan dan kemudahan

lebih selesa kepada pegawai ATM. Pembinaannya dirancang khusus berdasarkan keperluan para pegawai ATM," katanya dalam kata-kata alu-aluan dalam buku cenderamata majlis perasmian Wisma Perwira ATM.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Najib turut meluangkan masa melawat sekitar bangunan tersebut yang mempunyai jambatan udara bagi menyambungkan kedua-dua menara bangunan berkenaan.

Pembinaan Wisma Perwira ATM mendapat perhatian Najib pada tahun 2006 yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan projek itu berjaya direalisasikan menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Projek yang memulakan pembinaannya pada 4 September 2008 itu telah berjaya disiapkan pada Ogos 2013.



NAJIB TUN RAZAK merasmikan Wisma Perwira sambil diperhatikan Muhyiddin Yassin di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Hishammuddin Tun Hussein dan Zulkifeli Mohd. Zin (kiri).